



Siri Titah II
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Editor
Mohd Annuar Zaini

051144

UL



Siri Titah II
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Editor
Mohd Annuar Zaini

PUSTAKA PERDANA



1013629

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2023



KK 923-320-0502011-49-4009-40101

Cetakan Pertama 2023
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-983-49-4009-6

Dicetak oleh
Irja Printing Solutions,
No.8-1, Jalan Brunei Utara,
Off Jalan Pudu,
55100 Kuala Lumpur.

923.1595114

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
Bahagian 1: Institusi Raja	1
Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat	3
Muafakat Asas Pembentukan Negara Merdeka	25
Pelancaran Buku <i>Perak Sultanate: The Historic Royal Glory of Perak Tengah</i>	32
Takhta Timbang Tara, Secara Adil – Secara Saksama	37
Menelusuri Jambatan Penghubung Raja dan Rakyat	43
Pelancaran Buku <i>Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah</i>	50
Menghayati Semangat Keluarga Malaysia	56
Bahagian 2: Tadbir Urus	61
Istiadat Perbarisan Jubli Emas Kor Kesihatan Diraja	63
Guru Pembina Negara Bangsa	67
Persidangan Perubatan Ketenteraan Malaysia	76
Pengumuman Pembubaran Dewan Negeri Perak Ke-13	85



KANDUNGAN

Istiadat Pelantikan Menteri Besar Perak 2018	88
Pimpinan Politik dan Pentadbir: Dua Sayap Jentera Pentadbiran	92
Penyampaian Tauliah Pelantikan dan Sijil Pelantikan Kehakiman Syarii	95
Istiadat Pelantikan Menteri Besar Perak 2020	101
Pelancaran Buku <i>Pilihan Raya – Demokrasi Malaysia</i>	106
Bahagian 3: Agama	117
Mengakar Kuat Umat Melayu, Menjulung Tinggi Islam Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama dan Umara	119 135
Menyantuni Umat Membawa Rahmat	147
Agama Islam: Peranan dan Tanggungjawab Raja Pemerintah	154
Persidangan Jawatankuasa Kariah Peringkat Negeri Perak Berkubu di Atas Gunung Sejarah, Merenung ke Depan, Menyusun Langkah	162 171
Menjulung Kemuliaan Umat: Sejarah, Wawasan dan Harapan	185
Ke Arah Memartabatkan Institusi Fatwa	196
Perutusan Aidiladha	205
Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan	211
Bahagian 4: Masyarakat dan Budaya	217
Keadilan, Prinsip Pegangan yang Dijunjung Setiap Masa	219
Pelancaran Buku <i>Fulfilling A Legacy – Tun Razak Foundation</i>	223
Penghijrahan Minda, Penghijrahan Budaya	230
Merayakan Kejayaan yang Membanggakan	235
Mencipta Rekod Kejayaan yang Cemerlang	240
Membina Karakter, Mencanai Jiwa Insan	246
Pelancaran Buku <i>40 Hadis: Pelestarian Alam Sekitar</i>	251
Pelancaran Buku <i>Arshad Ayub – Menanam Pokok Tempai Berteduh</i>	260
Menangani Ancaman Perubahan Iklim dan Pemanasan Global	265
<i>Indeks</i>	271

KATA PENGANTAR

Syukur Alhamdulillah, dirafakkan ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat izin-Nya, buku *Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* berjaya disempurnakan penerbitannya. Dewan Bahasa dan Pustaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Mohd Annuar Zaini atas usahanya menjayakan penerbitan buku yang kedua ini. Sebanyak 35 titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, telah dipilih. Koleksi titah yang dimuat turun daripada portal Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak ini adalah antara titah baginda yang berkaitan aspek bahasa, sastera dan budaya yang merangkumi institusi raja, tadbir urus, hal agama serta masyarakat dan budaya.

Penerbitan buku *Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* ialah satu lagi usaha murni untuk menghidupkan tradisi hubungan istana dan kesultanan Melayu dengan penulisan dan persuratan Melayu yang akan menjadi rujukan generasi sekarang dan generasi akan datang. Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi antara institusi yang setia menjunjung satu daripada *Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu* untuk mendaulatkan dan memastikan bahasa Melayu dinobatkan sebagai Bahasa Kebangsaan,



KATA PENGANTAR

bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Penulisan sedemikian sememangnya wajar diketengahkan kepada masyarakat awam bagi mengangkat dan mencernakan idea, dan pemikiran tokoh negara agar dapat ditatap oleh pembaca bagi memberi masyarakat inspirasi, khususnya generasi muda, dalam pembinaan tamadun bangsa dan negara.

Saya berharap agar penerbitan buku siri kedua ini mampu memperkaya dan mengangkat khazanah persuratan Melayu ke persada yang lebih tinggi. Saya juga menzahirkan penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Mohd Annuar Zaini bersama dengan staf beliau kerana usaha yang disumbangkan amat membantu Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku *Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* ini.

Dr. Hazami bin Jahari
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

PRAKATA

Diputerakan pada 27 November 1956, Raja (Sultan) Nazrin Shah melalui alam persekolahan di Sekolah Jalan Kuantan dan di Sekolah St. John Kuala Lumpur; selepas itu, berangkat mengikuti pengajian peringkat menengah di The Leys School, Cambridge, United Kingdom. Baginda mengikuti pengajian tinggi di University of Oxford dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang falsafah, politik dan ekonomi. Setelah menamatkan pengajian ijazah pertama, baginda berkhidmat sebagai Eksekutif Pentadbiran di Petronas (1979–1983). Baginda kemudian memilih meneruskan pengajian peringkat pascaijazah dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana dari The Kennedy School of Government, Harvard University. Baginda terpaksa menangguhkan pengajian peringkat Doktor Falsafah kerana perlu kembali ke tanah air untuk menyempurnakan tugas sebagai Pemangku Raja Perak (1989–1994), sewaktu ayahanda baginda, Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin Shah bersemayam sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-IX. Sebaik sahaja Sultan Azlan Shah kembali ke takhta Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah menyambung penyelidikan dan penulisan tesis sehingga berjaya dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang politik, ekonomi dan kerajaan dari Harvard University.



Baginda dimasyhurkan sebagai Raja Kechil Besar Perak pada 16 Februari 1984, sebagai Raja Muda Perak pada 15 April 1987, sebagai Sultan Perak Ke-XXXV pada 29 Mei 2014 dan ditabalkan pada 6 Mei 2015. Berpandukan doktrin raja berperlembagaan, tugas diraja yang diamanahkan telah menafikan peluang membolehkan baginda menyandang sebarang jawatan awam dalam kerajaan, begitu juga dengan pihak swasta di negara ini. Namun begitu, status sebagai pewaris takhta dan kemudiannya menyempurnakan peranan seorang sultan, tidak menghalang baginda untuk mengetengahkan wawasan, pandangan dan saranan mengenai pelbagai subjek, merangkumi Islam, bangsa Melayu, institusi raja, pemerintahan, hubungan diplomasi dan antarabangsa, ekonomi, pendidikan, tadbir urus, integriti, rasuah, budaya dan sosial melalui titah-titah yang dizahirkan.

Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ini mengandungi koleksi 35 titah yang disusun dalam empat bahagian:

- Bahagian 1, tujuh titah mengenai institusi raja.
- Bahagian 2, sembilan titah mengenai tadbir urus.
- Bahagian 3, sepuluh titah mengenai agama.
- Bahagian 4, sembilan titah mengenai masyarakat dan budaya.

Titah-titah yang terkumpul dalam koleksi ini telah dizahirkan antara 6 Februari 2017 hingga 21 Mac 2022, tempoh waktu negara sedang menghadapi era politik prapilihan raya dan pasca-Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang berlangsung pada 9 Mei 2018. Ketelusan tadbir urus, rasuah, skandal kewangan dan integriti merupakan isu-isu besar yang mendapat perhatian umum pra-PRU-14.

Mengikuti serta memahami denyut nadi dan degup jantung rakyat, Sultan Nazrin Shah melalui titah-titah baginda, secara ber hikmah dan bijaksana telah menzahirkan pandangan, teguran, nasihat dan saranan yang menyentuh perkara semasa. Tegas baginda, untuk merealisasikan Islam sebagai addin, bangsa hendaklah memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang. Para ulama dan umara hendaklah bersifat proaktif menerokai kawasan di luar perkarangan masjid kerana Islam tidak akan dapat dijulang melalui keindahan reka bentuk masjid dan tidak juga tersebar luas melalui kemerduan laungan azan selagi bangsa tidak mempunyai jiwa merdeka, masih mengemis ihsan, masih berjiwa hamba dan sanggup menjadi abdi kerana imbuhan, pangkat, gelaran dan jawatan, lalu merestui berlakunya kemungkaran serta gentar menegakkan yang makruf.

Baginda menzahirkan pandangan bahawa dasar yang digubal untuk membantu orang Melayu tidak tercapai sepenuhnya kerana terbukti



berlaku ketirisan secara besar-besaran. Baginda bimbang kekayaan baharu yang berada dalam pegangan orang Melayu mungkin berakhir dalam tempoh masa yang singkat selagi orang Melayu lebih dihantui dengan budaya berbelanja mewah untuk mencerminkan status sosial daripada menabung dan melabur untuk membina aset bangsa yang lebih besar bagi jangka panjang. Baginda menzahirkan ingatan bahawa maruah bangsa semakin diaibkan dengan perbuatan rasuah, pecah amanah, penipuan dan salah guna kuasa. Baginda bimbang berlakunya penjajahan bentuk baharu bersenjata wang, pembelian dan pemilikan hartanah.

Kemusnahan sesebuah negara berpunca daripada kegagalan kerajaan melakukan yang makruf, di samping kelemahan kerajaan mencegah kemungkaran, menyebabkan keperluan dan kebajikan majoriti rakyat diabaikan. Baginda mengimbas kebijaksanaan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein (Allahyarham) yang berjaya mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan pasca-Pilihan Raya Umum Ke-3 pada 10 Mei 1969 dan pascaperistiwa hitam perselisihan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1971 bertujuan menangani masalah ketidakseimbangan agihan ekonomi antara kaum yang telah menjejaskan perpaduan antara kaum, dan keamanan negara. Perencanaan program sosioekonomi yang diperkenalkan melalui Dasar Ekonomi Baharu telah memberikan peluang kepada orang Melayu dan bumiputera memimpin dan mengurus pelbagai organisasi kerajaan, badan korporat serta swasta dan mereka berjaya membuktikan keupayaan menggalas tanggungjawab yang mencabar, lalu menyuntik keyakinan dan kebanggaan baharu dalam minda bangsa.

Baginda tertarik dengan gaya kepimpinan yang dipamerkan oleh Tun Abdul Razak, bersifat sederhana, tidak berpura-pura dan tidak bersifat riak melakonkan watak sebagai seorang yang warak untuk tontonan khalayak umum. Ucapan-ucapan Tun Abdul Razak begitu bersahaja, jarang-jarang disuratkan dengan petikan ayat al-Qur'an ataupun hadis. Tegas baginda, *amar makruf* Tun Abdul Razak lebih terserlah melalui sifat amanah, jujur dan telus; tersurat mencerminkan sifat tersirat seorang insan yang memiliki iman yang tinggi dan menghayati jiwa hamba yang insaf akan akauntabiliti kepada Penciptanya, amat menginsafi setiap yang dilakukan di dunia ini tidak dapat dilindungi daripada penglihatan Allah SWT. Pada hemat baginda, Tun Abdul Razak seorang pemimpin yang tulen berjiwa rakyat dan rakyat berada di hatinya. Baginda berpandangan Tun Abdul Razak mempamerkan dan mengamalkan dua elemen yang mencerminkan nilai



keinsanan dan roh Islam yang amat wajib diselami dan dihayati. Pertama, sifat tidak tamak kuasa dan jiwa demokratik terbukti melalui kesediaan mengembalikan kuasa kepada parlimen (rakyat) dengan menamatkan sistem berkerajaan di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) apabila ketenteraman awam kembali pulih; serta kesediaan menyerahkan kuasa secepat mungkin kepada barisan pengganti dengan memberikan amanah, tanggungjawab dan kepercayaan kepada tenaga muda dan barisan pelapis baik di peringkat parti mahupun dalam kerajaan. Kedua, sifat amanah dan jujur dijelmakan melalui amalan pentadbiran yang telus dan berintegriti; sangat berhati-hati membelanjakan wang negara dan sangat teliti memastikan wang negara tidak disalah belanja.

Ketika diambang mencecah 61 tahun usia kemerdekaan, negara dihampar senario politik baharu apabila majoriti pengundi membuat pilihan menukar kerajaan di peringkat Persekutuan; demikian juga di kebanyakan negeri semasa berlangsungnya PRU Ke-14 pada 9 Mei 2018. Barisan Nasional, kesinambungan Parti Perikatan yang mendapat sokongan majoriti rakyat sejak Pilihan Raya 1955 menghadapi defisit keyakinan lalu kehilangan kuasa pemerintahan. Keputusan PRU Ke-14 mencetuskan kejutan, ketewasan yang sukar diterima dalam kalangan pemimpin Barisan Nasional, begitu juga kejayaan luar jangkaan dalam kalangan pemimpin Pakatan Harapan.

Baginda menzahirkan apresiasi peralihan kuasa berlaku secara aman kerana sifat dan jiwa besar pemimpin politik, terutama mereka yang berada di pihak yang tewas, memilih tidak melakukan tindakan yang boleh menghalang proses peralihan kuasa berjalan secara bertamadun, sementara pihak yang berjaya menyambut kemenangan dalam semangat syukur, tidak bersifat takbur dan mengelak melakukan perkara yang berunsur provokasi. Betapa keadaan ketidaktentuan dalam tempoh 24 jam pertama pasca-PRU Ke-14 ditenangkan sebaik sahaja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berpandukan Perlembagaan Persekutuan memperkenankan Perdana Menteri Malaysia Ketujuh mengangkat sumpah jawatan pada malam 10 Mei 2018. Baginda menyifatkan pemimpin dan rakyat berjaya membuktikan kepada dunia bahawa amalan demokrasi di Malaysia telah sampai usia matang, menzahirkan harapan agar pohon demokrasi akan terus berakar kukuh – berdahan rendang, dan budaya politik dua parti akan disuburkan, beroperasi serta berfungsi secara konstruktif agar rakyat mempunyai opsyen semasa berlangsung pilihan raya, sama ada mahu terus mengekal atau menukar sesebuah kerajaan berdasarkan prestasi.

Dalam titah Istiadat Konvokesyen Ke-58 Universiti Malaya pada 20 Oktober 2018, baginda menyifatkan negara sedang melalui era



transformasi kerana keputusan PRU Ke-14 menunjukkan budaya politik di Malaysia semakin berpaksikan rakyat yang mengimpikan sebuah kerajaan yang lebih telus, lebih terbuka dan lebih amanah. Namun begitu, harapan rakyat kemudiannya kembali menjadi impian apabila berlakunya perbuatan lompat melompat parti antara ahli Dewan Rakyat di peringkat Parlimen, dan ahli Dewan Undangan di beberapa buah negeri. Akibatnya, kerajaan pilihan rakyat dalam PRU Ke-14 di peringkat Persekutuan dan di beberapa buah negeri dijatuhkan dan digantikan dengan perikatan baharu. Dalam tempoh satu penggal pilihan raya, tiga orang Perdana Menteri mengangkat sumpah jawatan, demikian juga halnya di negeri Perak; tiga orang Menteri Besar mengangkat sumpah jawatan, di samping berlakunya pengisytiharan darurat dan berlangsungnya Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri di Sabah, di Melaka, dan di Johor sebelum tamat tempoh lima tahun. Tercetus sejarah baharu dalam politik negara, tetapi bukan sejarah yang boleh dibanggakan, tegas baginda.

Pilihan Raya Umum Ke-14 membentangkan senario baharu politik tanah air. Pertama kali dalam sejarah selepas penubuhan sebuah negara merdeka, berlaku pertukaran kerajaan di peringkat Persekutuan begitu juga di kebanyakan negeri. Pertukaran kerajaan menimbulkan kebimbangan kepada orang Melayu, sama ada benar atau imaginasi atau dipilih untuk disensasikan, orang Melayu merasakan status agama Islam dan ketuanan Melayu di bumi ini sedang terugut.

Dalam Majlis Anugerah Tokoh Srikandi GPMS bertarikh 20 Julai 2018, baginda mengingatkan bangsa Melayu yang mahu maju dan dihormati hendaklah terdiri daripada bangsa yang berani berminda terbuka dan berminda merdeka, iaitu minda yang tidak membenarkan dirinya menjadi hamba kepada kekayaan kebendaan serta minda yang tidak membenarkan dirinya menjadi abdi kerana tarikan jawatan dan gelaran sehingga bersedia mengabdikan prinsip dan kebenaran. Orang Melayu turut disedarkan bahawa jurang pencapaian masih berlaku antara orang Melayu dengan bukan Melayu, tetapi orang Melayu tidak harus lagi menyalahkan dasar diskriminasi dan dasar pecah perintah kerajaan kolonial Inggeris kerana jurang yang berlaku ketika ini terjadi ketika bangsa berada di bawah pemerintahan kerajaan merdeka; di bawah pimpinan politik Melayu dengan penggubalan dasar yang disifatkan memberikan kelebihan kepada orang Melayu; sedangkan hakikat turut menunjukkan pelbagai skandal menyentuh amanah, rasuah dan integriti, dilaporkan terus berlaku, malah berlaku pada skala yang begitu besar; dilakukan oleh profesional Melayu, perlakuan yang amat bercanggah dengan pegangan agama Islam, dan



budaya Melayu yang sangat menegaskan aspek jujur, amanah, harga diri dan maruah.

Baginda menzahirkan kebimbangan jika orang Melayu tidak ada kesungguhan mahu melakukan pembetulan, akan muncul di pentas hidup Malaysia moden lebih ramai watak Lebai Malang, Pak Pandir dan Mat Jenin disebabkan kurang disiplin dalam kalangan anak Melayu yang telah diberikan peluang menjadi kaya, tetapi terlalu awal bermimpi asyik, lalu terhempas jatuh ke tanah menerima nasib Pak Kaduk, menari-nari dalam sorak-sorai kemenangan palsu diiringi korus membiarkan Si Luncai terjun dengan labu-labunya, mengakibatkan bangsa menerima nasib “menang sabung, kampung tergadai”. Baginda menyeru orang Melayu menerima hakikat bahawa telah wujud persekitaran baharu di pentas negara dan di pentas dunia, justeru perlunya melakukan pengubahsuaian minda untuk menghadapi landskap politik yang telah berubah. Orang Melayu juga hendaklah berani memeriksa kesalahan sendiri, lalu melakukan penghijrahan minda dan budaya daripada terus berada dalam budaya penafian untuk menyalahkan orang lain.

Semasa menzahirkan titah dalam Majlis Sambutan Jubli Emas penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, baginda menyifatkan akan terus berlaku kehampaan jika masjid yang indah seni binanya, tetapi kosong program pengisiannya; dan menyifatkan manusia yang tinggi kelulusan akademiknya, tetapi rendah adabnya tidak layak digelar ilmuwan; sementara hartawan yang menggunung-kekayaannya, tetapi memperolehnya dengan cara merompak, menipu, menyeludup dan merasuah lebih rendah martabatnya daripada seorang yang bergaji kecil, tetapi halal pendapatannya. Pemimpin yang tidak mengotakan apa yang dikata, tidak wajib dihormati, jauh sekali diikuti.

Baginda berpandangan, kekayaan material yang diperoleh secara mendadak tanpa dilengkapi kekayaan minda, kekayaan intelek, kekayaan ilmu dan kekayaan rohani, merupakan kekayaan palsu yang sangat sementara sifatnya, sekadar melahirkan budaya bermewah-mewah dan bermegah-megah, serta budaya yang melakukan banyak pembaziran mengakibatkan berlakunya ketirisan sumber, pembangunan yang tempang, kadar pengangguran, kadar penghijrahan, kadar penyeludupan, kadar jenayah dan kadar rasuah yang tinggi, serta disusuli dengan pelbagai penyakit sosial. Akhirnya, ketenteraman awam terjejas, kestabilan politik tergugat dan ummah bertambah derita kerana terperangkap dalam putaran ganas penderitaan.

Baginda menzahirkan peringatan dalam titah Konvokesyen Ke-59 Universiti Malaya bahawa lebih tinggi ijazah yang dimiliki, lebih besar



amanah yang akan dipertanggungjawabkan. Menyerahkan amanah kepada insan yang tidak memiliki sifat amanah dan tidak menghargai nilai amanah, menyamai perbuatan menyerahkan sekandang biri-biri untuk dijaga oleh seekor atau sekumpulan serigala. Individu yang tidak amanah akan memudaratkan warga, negara, tamadun dan agama. Imej sesebuah universiti bukan hanya diwarnakan dengan bilangan dan tahap pencapaian kerjaya graduan yang dihasilkan, tetapi universiti juga menerima tempias jika ramai graduannya menghadapi pelbagai dakwaan jenayah di mahkamah atau meringkuk dalam penjara.

Pada bulan Julai 2019, Parlimen Malaysia meluluskan Pindaan Perlembagaan yang membolehkan warga yang berusia 18 tahun didaftarkan secara automatik sebagai pengundi. Semasa menzahirkan titah dalam Istiadat Konvokesyen Ke-48 Politeknik Ungku Omar, baginda memetik kata-kata Socrates bahawa “hanya mereka yang berupaya memikirkan isu secara rasional dan mendalam yang wajar diberikan hak mengundi”. Pada hemat baginda, urusan memilih kerajaan ialah perkara serius kerana nasib rakyat dan negara bergantung pada mereka yang diberikan kuasa untuk membentuk kerajaan. Dengan itu, pemilihan hendaklah berasaskan pemikiran yang rasional serta berteraskan fakta dan bukannya berdasarkan sentimen atau emosi.

Peringatan tersebut diulangi ketika baginda melancarkan buku *Pilihan Raya – Demokrasi Malaysia* pada 21 Mac 2022. Baginda mengupas lima perkara menyentuh keanggotaan Suruhanjaya Pilihan Raya, pengurusan pilihan raya, tanggungjawab politik, tanggungjawab membina negara bangsa, dan Majlis Raja-Raja.

Baginda mengimbas keberkesanan pendidikan Islam melalui kaedah pengajaran yang kelihatan begitu mudah ketika negara baru mencapai kemerdekaan, namun begitu amat berkesan menyemai asas akidah yang berperanan sebagai dinding dan tembok daya tahan umat Melayu daripada melakukan perbuatan yang menggadai maruah bangsa; juga berjaya membina kekuatan dalaman yang menghindari kebanyakan pegawai Melayu Islam daripada melakukan kemungkaran berbentuk pecah amanah, rasuah dan menyalahgunakan kuasa. Baginda turut menyeru umat Islam yang mencintai Islam dan yang memahami ajaran Islam yang sebenar supaya tidak menjadi majoriti yang berpeluk tubuh dan memilih menjadi penonton yang membisu merelakan Islam dirampas oleh kumpulan yang memanipulasikan Islam untuk tujuan sempit.

Baginda mengiktiraf peranan bersama-sama warga Malaysia daripada pelbagai kaum, agama, negeri dan wilayah mempertahankan kedaulatan



dan keselamatan negara dengan mendukung semangat “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Ditegaskan bahawa pertahanan negara akan menjadi rapuh jika warga yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama gagal menjalankan hubungan yang harmoni; pertahanan negara akan menjadi lebih teguh apabila warga berjaya dipupuk menemui titik pertemuan menghayati semangat bersatu dalam kepelbagaian dan menyeru agar para pemimpin memberikan sebaik contoh teladan untuk memupuk semangat saling memahami dan saling menghormati agar warga hidup penuh harmoni dalam sebuah negara yang aman lagi makmur.

Baginda menjadikan pengajaran peristiwa sejarah yang menunjukkan ulama begitu juga umara tergelincir daripada landasan kerana tarikan duniawi yang berpunca daripada bisikan iblis. Baginda berterus terang memperingatkan institusi istana untuk menjadikan pedoman pelbagai kisah hikayat lama bahawa raja juga tidak terlepas daripada hukum jika melakukan kesalahan.

Titah yang dizahirkan memperingatkan penyunting bahawa institusi raja ialah satu pelanjutan adat dan kesinambungan budaya, kekal dihidupkan dalam era modenisasi, betapa keindahan adat dan betapa kekayaan budaya kukuh teranyam dalam tradisi negara bangsa, sekali gus mengekalkan identiti pemerintahan, negeri beraja – rakyat bersultan. Kesultanan Melayu mempunyai sejarah yang panjang dan telah mengalami pelbagai ujian dan menempuhi pelbagai era. Segala peristiwa yang berlaku menjadi tanda bukti bahawa sultan terdahulu bukan sahaja memberikan kepimpinan kepada para pengikut yang memilih menjadi rakyat di bawah naungan seseorang sultan, malah para sultan berperanan merintis, meneroka, membuka kawasan dan mengasaskan negeri. Adat bernegara dan budaya berkerajaan berpayungkan raja merupakan sebahagian daripada adat, sebahagian daripada budaya bernegara dan berkerajaan yang telah sekian lama berakar di bumi ini, diwarisi dan dikekalkan, diterima oleh warga daripada pelbagai kaum dan pelbagai agama.

Dinamik politik yang sedang berlaku menuntut budaya ketelusan dan keterbukaan. Oleh itu, teramat penting untuk takhta mentafsir secara bijaksana lagi tepat, dinamik yang sedang berlaku. Selanjutnya, melakarkan ruang peranan dan menetapkan paksi baharu yang lebih bertepatan dalam era yang sudah berubah. Takhta bertanggungjawab memberikan naungan saksama kepada setiap warga yang memperlihatkan semangat kesetiaan kepada raja dan negara. Raja pemerintah memiliki kedaulatan dan peranan penting memastikan berlangsungnya tadbir urus yang berlandaskan undang-undang. Raja pemerintah bukan ornamen



hiasan untuk dibutakan penglihatan, ditulikan pendengaran dan dikelukan lidah daripada kebenaran atau diperalatkan untuk memberikan limpah perkenan pada perkara yang menyalahi hukum dan bercanggah dengan keadilan, lebih-lebih lagi yang berunsur kezaliman. Raja pemerintah mempunyai tugas fardu kifayah yang berat terhadap negara dan rakyat yang perlu disempurnakan secara arif lagi bijaksana, adil lagi saksama.

Takhta wajib memahami dan menghargai harapan tinggi rakyat yang memohon agar takhta berperanan sebagai penimbang tara, secara adil, secara saksama, tidak memihak dan kekal mencuar tinggi atas segala polemik politik kepartian. Takhta perlu bertenaga, memenuhi peranan sebagai payung penyatuan, memenuhi harapan rakyat, sebagai pemangkin mengharmonikan hubungan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa. Peranan takhta sebagai payung penyatuan dalam kepelbagaian perlu difahami, dilaksanakan dan kelihatan dilaksanakan. Takhta juga wajib memperlihatkan sebaik contoh dalam memenuhi amanah Ilahi serta dalam memenuhi harapan rakyat agar kemuliaan takhta tidak tercemar, dan kedaulatan raja tidak dipersendakan.

Dalam titah yang dizahirkan semasa pelancaran buku *Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah*, baginda memperingatkan diri dengan kata-kata yang terkandung dalam pidato Yang Arif Hakim Raja Tan Sri Azlan Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah) sewaktu dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Universiti Sains Malaysia pada 21 Jun 1980:

... Bahawa selagi rakyat menaruh kepercayaan terhadap raja dan menghormati institusi raja, selagi itu takhta tidak akan dipindahkan dari istana ke muzium ...; bahawa takhta juga tidak boleh lari daripada hukum Allah, hukum yang ditetapkan ke atas seluruh umat manusia tanpa mengira raja atau rakyat ...

Baginda mengambil pengajaran bahawa takhta yang kini tinggal dalam sejarah kerana perbuatan tidak bertanggungjawab para wazir dan pembesar istana yang menyebarkan nasihat yang salah. Sejarah turut menunjukkan ada takhta yang terkorban disebabkan salah laku para pembesar yang mementingkan diri sendiri ketika berteduh di bawah payung naungan takhta.

Baginda menginsafi citra dan daulat turut dipengaruhi oleh keperibadian seseorang raja. Berpandukan semangat raja adil raja disembah; raja zalim raja disanggah, kesetiaan dan keyakinan rakyat tidakkan bulat datang bergolek; tidakkan pipis datang melayang. Sejarah memberikan



pengajaran bahawa takhta akan hilang dan akan tinggal kenangan jika raja pemerintah enggan menerima nasihat yang betul, disalah nasihat atau terasing dan gagal mendampingi rakyat untuk memahami denyut nadi dan degup jantung mereka.

Penyunting menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah atas perkenan dan kepercayaan kepada penyunting bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan kompilasi titah baginda. Ucapan terima kasih disampaikan kepada kakitangan Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, khususnya kepada Dato' Pengelola Bijaya Diraja, Yang Dihormati Toh Raja Diraja Kolonel (B) Dato' Abdul Rahim Mohammad Nor; Setiausaha Sulit Kanan Kolonel Norzahari Zakaria; dan Yang Dihormati Toh Demang Shahrul Nidzam Shaari. Ucapan penghargaan kepada Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka; Dr. Hazami Jahari, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; serta Datuk Abang Sallehuddin Abg Shokeran, mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; yang telah bersetuju meneruskan usaha penerbitan buku ini. Terima kasih khusus kepada Ketua Bahagian Buku Umum, iaitu Encik M. Azahari Edin; Ketua Unit Sains Sosial, Puan Norhanifah Mohamed; Editor Projek, Puan Suzana Ibrahim; dan Puan Deeya Menon (mendiang) yang telah membantu pelbagai tugas mengumpul, menapis dan menyunting koleksi titah. Penyunting amat ralat kerana Puan Deeya Menon tidak berpeluang menyaksikan hasil penerbitan ini kerana telah meninggal dunia pada 11 April 2021. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada para pembantu, Puan Adelyn Chan Whye Leng, Puan Siti Noor Faezah Md Yassin, Puan Zalianty Mohd Zahari dan pereka bentuk Encik Azman Shah Daud yang begitu komited dalam membantu kerja penyusunan.

Titah yang terkandung dalam penerbitan yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini menghamparkan peluang untuk pembaca mengikuti dan menghargai pemikiran seorang sultan yang sedang bersemayam di singgahsana takhta pemerintahan. Semoga *Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* akan memberi pembaca peluang mengenali dan menghargai watak intelek dan jiwa ilmuwan seorang raja pemerintah yang sedang bersemayam atas takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

DIRGAHAYU TUANKU, DAULAT TUANKU

Mohd Annuar bin Zaini
Gombak, Kuala Lumpur.
16 September 2022.





MEMPERKUKUH PASAK NEGARA: KE ARAH WASIAT LEBIH TERSURAT

Beta bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya juga, beta dapat memenuhi undangan bagi menzahirkan titah dalam “Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat”. Konvensyen ini dianjurkan pada ambang negara menyambut ulang tahun Jubli Intan Kemerdekaan, bertujuan memperingati peristiwa bersejarah 60 tahun lalu. Pada 5 Ogos 1957, sembilan raja pemerintah di negeri-negeri Melayu, memberikan perkenan, menurunkan tandatangan, menyerahkan kuasa pemerintahan masing-masing, membolehkan tertubuhnya sebuah persekutuan; sebuah negara baharu yang merdeka, dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu.

Institusi Raja Melayu ialah subjek yang amat menghidupkan minda beta. Terlebih dahulu beta mengisytiharkan kepentingan beta sebagai seorang sultan yang sedang bersemayam di takhta pemerintahan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Dengan demikian, beta tidak terlepas daripada melakukan penilaian bersifat peribadi. Namun begitu, status tersebut sebenarnya memberikan kelebihan, membolehkan beta melakukan

Dizahirkan semasa Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara, pada 5 Ogos 2017 (Sabtu) di Hotel Marriot, Putrajaya.



penilaian dari perspektif dalaman serta melakukan tafsiran berasaskan pengalaman, dilengkapi dengan adukan perkara yang beta pelajari dan berguru daripada rintihan suara rakyat di serata pelosok negara.

Institusi Raja berakar umbi di bumi ini lebih enam abad yang lalu. Sistem berkerajaan dan bernegara berpayungkan raja mempunyai landasan sejarah dan tradisi. Pemerintahan beraja secara awal dan semula jadi mencerminkan amalan kesederhanaan, menolak ekstremisme dan untuk sekian lamanya, berperanan sebagai perekat sosial yang telah berjaya menyatukan warga. Istilah “kerajaan” berasal daripada perkataan Sanskrit *ke-raja-an*; mengandungi istilah *raja*, bermaksud *rakyat yang tertakluk kesetiaan kepada seorang Raja Pemerintah*.¹ Konsep rakyat di negeri Melayu Beraja pada zaman silam bukannya berdasarkan wilayah sempadan geografi mengikut tradisi Eropah, tetapi hidup di bawah payung naungan dan berpaksikan raja.² Amalan kesaksamaan terhadap rakyat pelbagai agama, pelbagai kaum, pelbagai budaya, pelbagai bahasa ialah sebahagian daripada sifat dan citra Raja Melayu. Kesultanan Melayu Melaka sebagai contoh, mengiktiraf bahawa kemajuan, kemakmuran dan perkembangan intelek sesebuah negara harus didukung bersama dengan pembesar istana, dagang dan senteri, serta rakyat jelata, baik anak negeri mahupun orang luar, asalkan raja, adat resam dan undang-undang Melaka dihormati, berpegang pada semangat “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Oleh itu, Kesultanan Melayu Melaka, pada era keagungannya menggalakkan perkembangan ilmu dan mengamalkan dasar perdagangan terbuka. Pada puncak kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, terdapat 84 bahasa dipertuturkan di kota pelabuhan Melaka,³ sebuah kota kosmopolitan, mempertemukan timur dan barat. Keagungan Melaka mengikut tulisan Tome Pires pada kurun ke-16, diperteguhkan oleh Duarte Barbosa, digambarkan melalui tulisan berikut:

*... the city of Malacca is the richest seaport with the greatest number of wholesale merchants and abundance of shipping and trade that can be found in the whole world ...*⁴

Sistem beraja telah menjadi benteng penghalang menyukarkan British melakukan penjajahan mutlak. British sekadar berupaya memperkenalkan Sistem Residen, satu bentuk penjajahan tidak langsung yang masih mengekalkan kedaulatan Raja Melayu. British terpaksa mengadakan rundingan dengan raja pemerintah di setiap negeri dan hanya berupaya melakukan penjajahan secara mencantumkan perjanjian yang diperolehi secara berasingan.



Ketika orang Melayu masih belum memiliki institusi politik yang tersusun, raja-raja Melayu secara kolektif berperanan sebagai jurubicara, menzahirkan suara, membela nasib dan melindungi kepentingan bangsa. Durbar ialah forum raja-raja membincangkan perkara yang menyentuh urusan negeri dan rakyat. Pada asasnya, mesyuarat Durbar memperlihatkan tanggungjawab bersama dengan Raja-raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu.⁵ Durbar pertama yang berlangsung di Kuala Kangsar, pada 13 hingga 17 Julai 1897 berjaya mempertemukan empat orang Raja Melayu dari Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor. Empat negeri tersebut dirujuk sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan Raja Melayu kepada empat negeri berkaitan menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan yang mengadakan mesyuarat pertama di Kuala Kangsar pada 11 Disember 1909; tetapi keempat-empat orang raja Melayu itu kemudiannya menarik diri daripada menjadi anggota pada 2 April 1927;⁶ sementara negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu dirujuk sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Yang perlu diperingatkan, sembilan negeri yang terletak di bawah pemerintahan sembilan Raja Melayu tercatat dalam sejarah dengan identifikasi Negeri Melayu. Durbar ialah premis kepada penubuhan Majlis Raja-Raja. Mesyuarat Majlis Raja-Raja Negeri Melayu yang pertama diadakan pada 18 Februari 1948 di Kuala Lumpur, dihadiri oleh kesemua sembilan Raja Melayu.⁷ Menjelang “Merdeka”, 50 Mesyuarat Majlis Raja-Raja telah diadakan, antara tahun 1948 hingga tahun 1957.⁸

Raja-raja Melayu peka dan memahami denyut nadi dan degup jantung rakyat. Agama Islam, penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran, milik tanah, pegawai tadbir Melayu, bidang kuasa penghulu dan kadi, Rejimen Askar Melayu, pendidikan bangsa, The Malay College Kuala Kangsar, Sultan Idris Training College, Kolej Tunku Kursiah, penubuhan tabung pendidikan dan biasiswa di setiap negeri, dan emansipasi wanita Melayu adalah antara tuntutan yang dizahirkan oleh Raja-raja Melayu. Raja-raja menzahirkan kebimbangan terhadap sektor perlombongan yang meminggirkan orang Melayu, sedangkan sektor pertanian yang merupakan sumber ekonomi utama orang Melayu diabaikan.

Kebimbangan akan kemungkinan orang Melayu menjadi kaum minoriti disebabkan imigrasi secara besar-besaran turut dizahirkan. Raja-raja Melayu menzahirkan kebimbangan terhadap pelantikan Sir Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya di Tanah Melayu pada tahun 1948 berasaskan apa yang pernah dilakukan terhadap penduduk Arab ketika Henry Gurney bertugas sebagai Setiausaha Negara di Palestin.⁹ Raja-raja Melayu turut



menzahirkan pandangan terhadap rancangan penempatan semula yang dianggap mencuri hak tanah kepunyaan Melayu.¹⁰

Perhatian berat raja-raja Melayu akan agenda pendidikan ketara diperlihatkan apabila Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Perak, Sultan Selangor, Raja Perlis, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Pemangku Raja Johor serta Undang Luak Rembau dan Undang Luak Jelebu, mencemar duli berangkat ke Raffles College di Singapura untuk menyaksikan acara bersejarah penubuhan Universiti Malaya pada 8 Oktober 1949.

Kesultanan Melayu ialah satu manifestasi, satu lambang keagungan tamadun bangsa di bumi ini. Sembilan Raja Melayu bersemayam di sembilan negeri berdaulat sebelum terbinanya sebuah Persekutuan. Persekutuan Tanah Melayu ialah gabungan sembilan negeri berdaulat dengan dua Negeri Selat, dilahirkan setelah mendapat perkenan sembilan Raja Melayu, diperluaskan kemudiannya dengan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura untuk membentuk negara Malaysia pada tahun 1963, dan Singapura berpisah daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Penubuhan dan kemerdekaan sebuah Persekutuan dicapai melalui perundingan, persefahaman dan persetujuan tiga pihak, institusi raja, institusi rakyat dan kerajaan Inggeris. Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, warga menerima hakikat bahawa sistem beraja ialah sebahagian daripada sistem berkerajaan dan bernegeri di bumi ini yang wajar diteruskan. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) amat menghayati sistem pemerintahan berteraskan raja yang terlalu berharga dan terlalu bernilai untuk ditiadakan. Tanah Melayu yang merdeka telah memilih untuk memeterai sistem pemerintahan beraja dengan menjelmakannya dalam bentuk dan acuan kontemporari. Kuasa raja dan suara rakyat digabung dan diimbang, berpegang pada semangat, mengekalkan yang dikendong dalam usaha mencipta yang baharu. Lalu diperkenalkan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi raja dengan institusi rakyat, berasaskan konsep raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen. Kedaulatan raja diberikan wajah baharu, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni, diluhurkan dengan sebaik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

Ketetapan untuk terus mendaulatkan institusi raja ialah satu pelanjutan adat, satu kesinambungan budaya, betapa keindahan adat, betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam dalam era modenisasi. Persekutuan Tanah Melayu ketika menghadapi opsyen menggubal Perlembagaan Merdeka tidak sekadar mengekalkan tradisi beraja di peringkat negeri, malah



telah memperkenalkan satu lagi lapisan pemerintahan beraja di peringkat Persekutuan dengan mewujudkan seorang Ketua Utama Negara bergelar Yang di-Pertuan Agong; Raja kepada seluruh Persekutuan, mengangkat martabat institusi Raja Melayu ke tahap lebih agung.¹¹ Secara harfiahnya, gelaran tersebut bermaksud “*Dia yang terulung dalam kalangan kami*”, iaitu *primus inter pares*. Sesungguhnya, kewujudan takhta Ketua Utama Negara dan kaedah lantikan Yang di-Pertuan Agong ialah satu kehebatan keaslian inovasi yang telah mengekalkan identiti negeri beraja – rakyat bersultan.

Proses menggubal Perlembagaan untuk penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, bermula daripada persidangan yang berlangsung di London antara 18 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956. Delegasi Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada:

- (i) Empat orang wakil Raja-raja Melayu.
- (ii) Ketua Menteri bersama dengan tiga orang Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- (iii) Pesuruhjaya Tinggi Inggeris berserta barisan penasihat.

Dengan perkenan Majlis Raja-Raja, sebuah suruhanjaya ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan sebuah negara merdeka.¹² Suruhanjaya Reid dipertanggungjawabkan untuk melakukan kajian, seterusnya mengemukakan perakuan. Antara Jun 1956 hingga Oktober 1956, Suruhanjaya Reid mengadakan 118 sesi pendengaran sebelum merumuskan perakuan pada 20 Februari 1957.¹³ Antara perakuan utama dalam draf pelan induk Perlembagaan Merdeka menyentuh perkara berikut:¹⁴

- (i) Keunggulan Perlembagaan.
- (ii) Badan kehakiman yang bebas dengan kuasa melakukan kajian semula kehakiman.
- (iii) Kerajaan berteraskan sistem Persekutuan.
- (vi) Raja berperlembagaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- (v) Perlindungan khas hak Raja-raja Melayu.
- (vi) Kedudukan istimewa orang Melayu.
- (vii) Hak kerakyatan kepada setiap orang yang dilahirkan di Persekutuan.
- (viii) Hak agama, budaya dan bahasa dalam kalangan bukan Melayu.

Kumpulan Kerja *Pakatan Tiga Pihak*, mewakili Raja-raja Melayu, Parti Perikatan dan Kerajaan Kolonial ditubuhkan untuk meneliti perakuan



Suruhanjaya Reid.¹⁵ Raja-raja Melayu diwakili oleh Penyimpan Mohor Besar, Haji Mustapha Albakri, Shamsuddin Nain, Tunku Ismail dan Neil Lawson, QC; Parti Perikatan diwakili oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin dan V.T. Sambanthan; Kerajaan Kolonial diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi MacGillivray, Ketua Setiausaha Negara, Sir David Watherston, Peguam Negara T.V.A. Brodie, sementara E.O. Laird bertugas sebagai setiausaha. Antara 23 Februari 1957 hingga 27 April 1957, Kumpulan Kerja telah mengadakan 23 mesyuarat dan melakukan pengubahsuaian kepada perakuan asal Suruhanjaya Reid.¹⁶ Antara pengubahsuaian signifikan yang dilakukan menyentuh perkara yang berikut: ¹⁷

- (i) Memperkukuh peranan Majlis Raja-Raja; sebagai forum yang melantik Ketua Negara; Majlis Raja-Raja berperanan menasihati Yang di-Pertuan Agong berhubung urusan lantikan tertentu menurut yang termaktub dalam perlembagaan; dan Majlis Raja-Raja perlu dirunding dalam perkara penting seperti perubahan sempadan dan wilayah, serta perkara yang menyentuh bidang kuasa raja.
- (ii) Menggugurkan perakuan yang meletakkan batasan masa 15 tahun untuk melindungi keistimewaan orang Melayu.
- (iii) Mengkanunkan Islam sebagai agama Persekutuan tanpa mengubah status raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing; dan kebebasan beragama secara aman dan harmoni dijamin kepada bukan Islam.
- (iv) Memberikan kuasa budi bicara kepada kerajaan sama ada untuk menerima atau menolak permohonan kewarganegaraan.
- (v) Memberikan tempoh satu tahun kepada mereka yang memiliki dua kewarganegaraan membuat pilihan.
- (vi) Membenarkan pengajaran bahasa Cina dan Tamil serta penggunaan bahasa tersebut dalam urusan tidak rasmi.

Ketika kesetiaan warga kepada negeri masih begitu mendalam, ketika warga kuat memiliki kebanggaan terhadap warisan, adat dan tradisi setempat, Raja-raja Melayu telah mempamerkan jiwa besar, memberikan perkenan untuk penubuhan sebuah Persekutuan. Jiwa besar yang dipamerkan oleh Raja-raja Melayu telah memudahkan urusan penggubalan Perlembagaan. Lantas Perlembagaan Merdeka berjaya disiapkan mengikut jadual. Sesungguhnya sembilan Raja Melayu pada hakikatnya telah membuktikan sebaik contoh, semangat untuk merealisasikan



pewujudan sebuah negara bangsa apabila bersedia memberikan perkenan mengurniakan sebahagian besar kedaulatan dan menyerahkan sebahagian besar kuasa negeri masing-masing, memungkinkan tertubuhnya sebuah Persekutuan, di bawah konsep Federalisme. Apabila raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957 oleh Sir Donald Charles MacGillivray bagi pihak Ratu Inggeris dengan lapan orang Raja Melayu dan Tunku Mahkota Johor; berserta empat Undang dan Tunku Besar Tampin.¹⁸ Pada tarikh keramat, 31 Ogos 1957, Duke of Gloucester bagi pihak Ratu Inggeris menyerahkan Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra. Dalam gegak gempita teriakan merdeka, berkibarlah bendera Jalur Gemilang, berkumandanglah lagu *Negaraku*, lahirlah sebuah negara merdeka lagi berdaulat. Perlembagaan Persekutuan berperanan sebagai carta dan kompas, sauh dan layar kepada sebuah bahtera merdeka. Pada September 1963, Akta Malaysia 26/1963 telah digubal, memberikan wajah baharu kepada Perlembagaan Merdeka selaras dengan pembentukan negara Malaysia.¹⁹

Perlembagaan sesebuah negara, *sui generis* sifatnya, iaitu berada dalam kelas tersendiri dan tidak sekadar dokumen undang-undang.²⁰ Perlembagaan Persekutuan pada hakikatnya mengandungi semangat dan roh negara, mencerminkan persetujuan yang dicapai ketika negara memperoleh kemerdekaan;²¹ memperlihatkan semangat persefahaman, mempamerkan kesediaan berkompromi pelbagai pihak, mencerminkan satu kehalusan seni yang berjaya mengimbangkan kepentingan yang saling bercanggah²² memanifestasikan pencapaian kata sepakat antara takhta dengan rakyat, antara rakyat sesama rakyat yang berlatarbelakangkan pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Perlembagaan Persekutuan digubal bersumberkan warisan sejarah, satu kesinambungan yang berjaya mengekalkan tradisi ketika mengharung modenisasi. Termaktub dalamnya, aspek warisan berkerajaan, aspek sejarah bernegara, berpayungkan raja, bertiangkan Islam, bersalut budaya dan bahasa peribumi.

Perkara yang dizahirkan oleh Raja-raja Melayu, sama ada secara lisan, perutusan warkah, begitu juga dalam mesyuarat Durbar, Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Raja-Raja, dianyam dalam Perlembagaan Persekutuan, menyentuh tujuh perkara utama, sering kali dirujuk pada hari ini sebagai *Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu*. Terpahat secara tersirat, tertera secara tersurat dalam Perlembagaan Persekutuan semangat menjunjung *Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu* yang secara tegas menetapkan, antaranya



kedaulatan raja-raja, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Tanah Simpanan Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain diberikan jaminan untuk dilindungi pada setiap masa. Perkara ini tidak boleh dipinda dalam perlembagaan tanpa perkenan raja-raja.

Setelah hampir 60 tahun tanah air mencapai kemerdekaan, setelah 15 kali Raja Melayu secara bergilir bertakhta di singgahsana Ketua Utama Negara, setelah 13 kali pilihan raya umum dilangsungkan, dan setelah enam perdana menteri memimpin Kerajaan Persekutuan, pentafsiran perlembagaan dengan perspektif yang menghormati sejarah penubuhan Malaysia, amatlah penting diperingatkan semula, malah wajib terus diperingatkan. Segala persetujuan wajib dihormati. Perkara yang telah dipersetujui ketika penggubalan Perlembagaan Merdeka, menyentuh prinsip asas, tidak harus diperdagangkan untuk tujuan meraih keuntungan politik jangka pendek; tidak wajar dikorbankan kerana kepentingan untuk mengutamakan atau melindungi mana-mana pihak, baik organisasi mahupun individu. Prinsip asas terutama menyentuh Islam dan Melayu tidak boleh sama sekali dikompromikan. Walau apa sekalipun alasan, walau apa muslihatnya, matlamat jangka pendek oleh mana-mana pihak, jangan sampai ke peringkat menggadaikan nasib ummah pada hari ini dan pada hari muka. Ummah wajib berdiri teguh, berpendirian tegas, tidak berundur, walau setapak sekalipun.

Sebagai sebuah negara baharu, pelbagai institusi negara sebenarnya masih melalui proses transformasi untuk mencari keseimbangan. Tempoh masa 60 tahun memenuhi peranan raja berperlembagaan, memberikan kematangan pengalaman kepada raja mencapai satu tahap kefahaman akan peranan takhta terhadap negara dan warga. Raja tidak sekadar pelengkap memenuhi adat, negara beraja dan rakyat bersultan. Raja bukan sekadar simbol untuk melaksanakan tugas keraian semata-mata. Raja bukanlah monumen hiasan yang kaku, tanpa nyawa – tanpa jiwa. Raja bukan daripada kalangan insan yang buta penglihatan, pekak pendengaran dan bisu pertuturan. Segala perkara yang berlaku adalah dalam ruang penglihatan dan pendengaran raja. Pandangan berterus terang raja dalam perkara berkaitan agama Islam, Bahasa Kebangsaan, perpaduan warga, kebebasan kehakiman, rasuah, salah guna kuasa, dan pelbagai lagi, tercetus daripada hasrat untuk memastikan negara terus stabil dan aman, warga terus sejahtera dan makmur.

Secara tradisi, sejak zaman-berzaman, raja setelah disembah maklum hal ehwal urusan negeri dan rakyat, mengamalkan sistem bermusyawarah untuk memperoleh nasihat dan pandangan. Berdasarkan catatan dalam



Sulalat al-Salatin, sistem musyawarah amat diutamakan, dijadikan amanat penting kepada pewaris takhta seperti yang dilambangkan dalam wasiat Sultan Alauddin Shah kepada anakanda baginda Sultan Mahmud Shah:

Hai anakku, ketahui olehmu bahawa dunia ini tiada akan kekal adanya ... melainkan iman ... Adapun peninggalku ini hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, kerana segala hamba Allah semuanya terserah kepadamu, ... Syahadan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya sekalipun, jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai, tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan adilnya; rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jikalau tiada akar nescaya tiada akan dapat berdiri. Adapun segala anak Melayu, jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, ... jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa.²³

Sistem raja berperlembagaan perlu ditafsiri sebagai perkongsian kuasa antara raja dengan rakyat. Pada umumnya dan dalam banyak perkara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri. Selaras dengan semangat raja berperlembagaan, peranan raja memerintah, bukan mentadbir, tetapi bertanggungjawab mengawasi dan memastikan berlakunya pentadbiran yang adil lagi saksama, teratur lagi telus. Demi memastikan takhta dihormati, raja wajib bersifat berkecuali, memisahkan diri daripada terlibat dalam sebarang kancah pertelingkahan politik kepartian dan menjauhkan diri daripada dijadikan instrumen untuk kepentingan mana-mana pihak. Raja hanya terlibat pada waktu dan ketika yang diperlukan.

Berpandukan doktrin raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen, peranan raja hendaklah disandarkan pada Perlembagaan Negara. Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi negara. Mematuhi dan menghormati perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bukan satu pilihan, tetapi satu kemestian untuk membolehkan sistem pemerintahan demokrasi yang sejati dapat ditegakkan. Terdapat 183 perkara dalam Perlembagaan Negara, merupakan antara perlembagaan bertulis yang paling komprehensif, meliputi pelbagai perkara, begitu menyeluruh, digubal secara terperinci, dihalusi secara teliti. Dalam bab akhir buku *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, Tun Mohamed Suffian telah mencatatkan frasa yang berikut:



For such a small country Malaysia has a fearfully long and elaborate Constitution and the visitor from Mars may be forgiven for thinking that our Constitution must have been devised by a mad professor of constitutional law.

... It is axiomatic that the present does not exist in vacuo but arises from the past, and when one considers the history of the country it is not difficult to realise why our Constitution is the long document it is, for each state and each interest insists, and quite properly too, on the writing into the Constitution of safeguards regarding its right.²⁴

Raja memenuhi satu keperluan perlembagaan secara simbolik – secara fungsi. Selaku Ketua Negara, raja berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan, payung penyatuan; lantas meningkatkan tahap keyakinan rakyat kepada sistem berkerajaan dan sistem bernegara berteraskan amalan demokrasi, berakarkan doktrin pengasingan kuasa. Sepuluh peratus atau 19 daripada 183 Perkara dalam Perlembagaan Persekutuan ialah perkara berkaitan raja, mengabsahkan bahawa raja berperlembagaan di Malaysia berperanan penting dalam struktur kerajaan dan struktur negara bangsa.²⁵

Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara,²⁶ secara undang-undang menganggotai tiga cabang kerajaan yang terdiri daripada cabang perundangan, cabang eksekutif dan cabang kehakiman. Parlimen mengandungi tiga komponen, terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.²⁷ Diperuntukkan supaya Yang di-Pertuan Agong menurunkan cap mohor kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh badan perundangan.²⁸ Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguhkan dan membubarkan Parlimen.²⁹ Baginda ialah pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan.³⁰ Baginda berkuasa mengampuni dan menangguhkan sesuatu hukuman.³¹ Baginda bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain.³² Baginda diperuntukkan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri, tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen serta menitahkan supaya diadakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk membincangkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja-raja.³³

Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Agama Islam bagi negeri baginda, di samping berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.³⁴ Baginda diperuntukkan kuasa melantik dan membatalkan lantikan jawatan



menteri dan timbalan menteri.³⁵ Baginda diperuntukkan kuasa membuat perisytiharan darurat³⁶ serta mengisytiharkan apa-apa ordinan sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak.³⁷ Baginda diperuntukkan kuasa atas nasihat Perdana Menteri untuk melantik ahli Suruhanjaya Pasukan Polis,³⁸ dan menurut budi bicara setelah menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja melantik ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam³⁹ dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.⁴⁰ Majoriti ahli Majlis Angkatan Tentera adalah atas lantikan baginda.⁴¹ Bahagian Sembilan, Perlembagaan Persekutuan menggariskan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kehakiman.⁴² Atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, baginda melantik Ketua Audit Negara,⁴³ sementara Peguam Negara dilantik oleh baginda atas nasihat Perdana Menteri.⁴⁴ Pengerusi, timbalan pengerusi dan lima ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja⁴⁵ dan baginda dipertanggungjawabkan untuk memastikan SPR mendapat kepercayaan awam.⁴⁶

Oleh itu, amatlah tidak munasabah jika jawatan Ketua Utama Negara itu diwujudkan sekadar untuk menyempurnakan tugas *ceremonial* atau dianggap boneka untuk menurunkan mohor perkenan kepada setiap dokumen yang dipersembahkan, dengan mata tertutup, mulut terkunci dan tangan terikat, diwajibkan tanpa opsyen memberikan sepenuh perkenan tanpa soal atas apa-apa juga nasihat yang diangkat sembah kepada baginda, apatah lagi jika nasihat tersebut menyimpang daripada undang-undang atau tergelincir daripada landasan keadilan atau berunsur penindasan atau boleh memudaratkan negara bangsa.

Raja tidak harus berasa tertekan dan tidak semestinya memberikan perkenan jika nasihat yang disembahkan bercanggah dengan tuntutan syarak, menyimpang daripada semangat Perlembagaan, bertentangan dengan keluhuran undang-undang serta melanggar prinsip keadilan sejagat hingga memungkinkan berlakunya penindasan dan kezaliman. Apabila raja dirujuk, duli-duli baginda hendaklah memberikan pandangan secara bebas tanpa perasaan ragu atau pilih kasih; dan dalam perkara raja perlu bertindak atas budi bicara, duli-duli baginda hendaklah menyempurnakannya dengan hikmah dan kebijaksanaan demi membuktikan raja bersifat arif, adil lagi saksama, sebagai penimbangtaraan yang bebas kepada cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman, demi memastikan terlaksana secara bermakna mekanisma semak dan imbang, sekali gus memperkukuh amalan demokrasi yang telus.

Siri Titah II Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Buku ini mengandungi 35 titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, dizahirkan antara 6 Februari 2017 hingga 21 Mac 2022 yang disusun dalam empat bahagian, iaitu Institusi Raja; Tadbir Urus; Agama Islam; dan Masyarakat dan Budaya.

Negara menghadapi senario baharu politik pasca-PRU Ke-14 apabila berlaku pertukaran yang besar dalam pembentukan kerajaan di peringkat Persekutuan dan di 10 buah negeri. Pasca-PRU Ke-14 menyaksikan tiga orang Perdana Menteri mengangkat sumpah jawatan; sementara di Perak berlaku tiga kali majlis angkat sumpah jawatan Menteri Besar; manakala berlaku perisytiharan darurat dan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sabah, Melaka dan Johor sebelum tamat tempoh lima tahun pemerintahan.

Berhadapan keadaan sedemikian, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah melalui titah yang dizahirkan, menegaskan pentingnya tadbir urus yang diasaskan kepada prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang. Raja pemerintah pula memenuhi peranan sebagai penimbang tara yang adil lagi saksama agar kepentingan rakyat terjamin dilindungi dan keadilan tidak digelincirkan. Baginda menzahirkan ingatan kemusnahan sesebuah negara berpunca daripada kegagalan kerajaan melakukan yang makruf dan kelemahan mencegah kemungkaran, manakala usah biarkan maruah bangsa diaibkan dengan perbuatan rasuah, pecah amanah, penipuan dan salah guna kuasa. Baginda turut juga memperingatkan institusi istana untuk menjadikan pedoman kisah daripada hikayat lama bahawa raja juga tidak terlepas daripada hukum jika melakukan kesalahan, selain menyedarkan bahawa citra dan daulat turut dipengaruhi oleh keperibadian seorang raja. Buku ini membolehkan pembaca memahami pemikiran seorang raja pemerintah yang memahami denyut nadi dan degup jantung rakyat, lalu secara berhikmah dan bijaksana menzahirkan pandangan, teguran, nasihat dan saranan.

RM65.00

ISBN 978-983-49-4009-6



9 789834 940096